

Penggunaan Senarai Semak Bagi Ejaan Dan Tanda baca Dalam Karangan Murid

Masayu Mohamed

masayu_mohamed@schools.gov.sg

Nor Fardilah Mohamed Nasir

nor_fardillah_mohamed_nasir@schools.gov.sg

Sekolah Rendah Meridian

Abstrak

Pemerhatian yang dijalankan oleh guru mendapati bahawa murid Darjah 3 mempunyai masalah menulis karangan dengan baik. Masalah ini berpunca dari sebab asas iaitu kurangnya pengetahuan murid dalam mengeja perkataan dan menggunakan tanda baca yang betul. Hal ini menyebabkan hasil karangan mereka sukar difahami. Karangan murid dilihat sering mengandungi banyak kesilapan dalam dua perkara tersebut, dan menyebabkan murid kehilangan banyak markah. Kajian ini dijalankan bagi membolehkan murid mengecam kesilapan ejaan dan tanda baca yang sering dilakukan dalam penulisan karangan. Kumpulan sasaran kajian ini ialah murid Darjah 3 kerana murid mula menulis karangan mudah pada peringkat Darjah 3. Untuk mengatasi masalah ini, guru telah menggunakan Senarai Semak dan melaksanakan Penyemakan Bertumpu dalam bilik darjah. Dengan pelibatan murid secara aktif, guru berharap kaedah ini dapat menyokong pembelajaran mereka.

Kata Kunci: senarai semak, tanda baca, pembeajaran aktif

PENGENALAN

Pemerhatian yang dilakukan oleh guru mendapati bahawa murid mempunyai masalah dalam ejaan dan penggunaan tanda baca. Hal ini menyebabkan murid tidak dapat menghasilkan karangan yang baik. Markah karangan murid terjejas dalam bahagian bahasa. Guru selalu melihat kesilapan bahasa semasa memarkahkan karangan yang termasuk daripada segi pemerenggan, binaan ayat, jalan cerita yang kurang kreatif, ejaan dan penggunaan tanda baca. Kesilapan yang paling ketara ialah kesilapan ejaan dan tanda baca. Ini mengganggu kelancaran penulisan karangan murid. Isi mereka juga terjejas kerana bahasa yang digunakan lemah.

PERNYATAAN MASALAH

Prestasi murid yang lemah dalam karangan sering menjadi kebimbangan guru kerana ia akan menjejaskan markah keseluruhan kertas ujian murid. Berdasarkan penelitian guru, ramai murid lemah dalam bahagian bahasa bagi ujian karangan. Berdasarkan keputusan ujian semester 1 (SA1) bagi murid Darjah 3 kohort 2018, hanya 41.6% murid lulus bahagian bahasa dalam ujian penulisan karangan. Tambahan pula, hanya 25% murid yang mendapat markah yang cemerlang iaitu lebih daripada 5 markah daripada markah penuh sebanyak 8 markah. Secara purata, ramai murid yang lulus mendapat antara 7.5 hingga 8.5 markah bagi bahagian karangan. Hasil pemeriksaan guru menunjukkan ramai murid melakukan kesilapan daripada segi ejaan dan tanda baca. Oleh itu, mereka mutu ayat mereka terjejas. Guru membuat kesimpulan bahawa perkara ini berlaku kerana kemungkinan kosa kata yang terbatas dan kurangnya pengetahuan sedia ada tentang binaan perkataan dan ketiadaan pengetahuan tentang fungsi dan penggunaan tanda baca.

Latihan mengeja dengan tepat dan menggunakan tanda baca dengan betul perlu kerap dilakukan untuk menangani masalah yang dihadapi murid. Hal ini penting agar murid dapat mempersiapkan diri untuk mengarang dengan baik di peringkat darjah selanjutnya. Oleh itu, guru perlu membina dan meminta murid menggunakan Senarai Semak dan melakukan kaedah Penyemakan Bertumpu yang lebih berstruktur bagi memudahkan murid mengeja dengan tepat dan menggunakan tanda baca dengan baik.



TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan dengan tujuan untuk:

1. meningkatkan kebolehan murid mengeja dengan tepat dan menggunakan tanda baca dengan betul;
2. menilai keberkesanan penggunaan Senarai Semak dan kaedah Penyemakan Bertumpu dalam membantu murid mengenal pasti kesilapan ejaan dan tanda baca; dan
3. menggalakkan murid mendekati penulisan karangan pada peringkat Darjah 3 secara bertahap-tahap dengan menggunakan Senarai Semak, dan kaedah Penyemakan Bertumpu sebagai penilaian.

Kesalahan ejaan dan penggunaan tanda baca merupakan antara masalah yang sering dilakukan murid dalam menulis karangan. Tanpa menguasai ejaan dan tanda baca, murid tidak mampu menulis karangan dengan baik dan berkesan untuk pembaca. Idea-idea yang ingin disampaikan oleh murid terganggu dengan adanya terlalu banyak kesilapan ejaan dan tanda baca. Hal ini menyebabkan murid mendapat markah yang rendah dalam komponen bahasa dan sekaligus menjejaskan komponen isi kerana karangan yang dihasilkan sering kali mengelirukan dengan adanya banyak kesilapan bahasa, ejaan dan tanda baca yang ketara. Apabila menilai kemahiran menulis, butiran mengenai aspek-aspek kemahiran menulis yang dinilai pada peringkat Darjah 3 termasuk keupayaan murid membina ayat secara gramatis dan membetulkan ejaan serta tanda baca mereka.

Menurut Abd. Aziz Abd. Talib (2000), aspek ejaan perlu diajar secara bertahap-tahap, dan dari masa ke semasa agar murid-murid dapat mengikuti dan memahaminya secara berperingkat-peringkat. Semasa latihan di dalam kelas, guru harus mengambil kesempatan untuk membaiki kesalahan murid secara serta-merta agar mereka tahu tentang kesilapan tersebut dan tidak mengulangnya lagi.

Kesalahan-kesalahan tersebut dapat dikenal pasti melalui proses analisis kesalahan secara sendiri (*self evaluation*) yang merupakan suatu prosedur yang digunakan untuk mengetahui kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh murid dalam menulis sesebuah karangan. Hal ini sejajar dengan apa yang ditekankan oleh Crystal (1989). Menurutnya, analisis kesalahan adalah suatu teknik untuk mengenal pasti, mengklasifikasi, dan menginterpretasikan secara berstruktur kesalahan-kesalahan yang dibuat oleh murid yang sedang belajar bahasa ibunda, bahasa kedua atau bahasa-bahasa asing.



Menurut Alias et. al., (2015), penilaian sendiri yang berkesan dapat membantu murid mencapai kemajuan dalam pembelajaran mereka dan membuat pembelajaran lebih bermakna disebabkan proses pemikiran yang perlu mereka lakukan dalam menilai hasil kerja mereka. Alat penilaian seperti senarai semak yang digunakan guru dalam projek ini membolehkan murid terlibat secara langsung dalam menilai tugas mereka, mendapat maklum balas serta merta dan meningkatkan motivasi murid (Brown, 2001) sekaligus meningkatkan kesedaran murid dalam kesilapan ejaan dan penggunaan tanda baca yang sering mereka lakukan dalam penulisan karangan.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian eksperimen bagi meneliti keberkesanan kaedah penelitian menggunakan Senarai Semak dan kaedah Penyemakan Bertumpu. Data-data yang akan dianalisis dikumpul secara kuantitatif dan kualitatif. Selain meneliti kertas karangan murid, guru-guru mendapat maklum balas murid Darjah 3 tentang Senarai Semak dan kaedah Penyemakan Bertumpu yang digunakan dalam kajian ini. Senarai Semak dan kaedah Penyemakan Bertumpu digunakan sebagai alat dalam pengajaran karangan untuk meningkatkan ketepatan mengeja dan menggunakan tanda baca dengan betul.

Murid dikehendaki mengarang mengikut tahap keupayaan mereka. Karangan murid akan dianalisis untuk mengenal pasti tahap pencapaian murid pada akhir pengajaran karangan.

Kajian ini menerapkan Amalan Pengajaran Singapura dengan menggunakan strategi yang relevan berkaitan Aspek Pengajaran dan Aktiviti Mengajar bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran 9PdP yang kukuh dapat di laksanakan di dalam bilik darjah.

Jadual 1: Penerapan Amalan Pengajaran Singapura

Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran	Aktiviti Mengajar
Pelaksanaan Pengajaran	AP15: Menggalakkan Pelibatan Pelajar	AM2: Teroka, Terlibat, Aplikasi Dengan melakukan aktiviti ini, murid dapat menerokai fungsi tanda baca dan menjadi lebih terlibat dalam pembelajaran mereka. Murid juga dapat mengaplikasikan tanda baca yang dipelajari secara aktif



	AP17: Memberikan Penerangan Yang Jelas	AM2: Menunjuk Cara atau Modeling Guru menggunakan soalan-soalan panduan sebagai perancah untuk memastikan pelibatan murid serta menilai pemahaman mereka.
Penilaian dan Maklum Balas	AP22: Memantau Pemahaman dan Memberi Maklum Balas (PMB)	AM3: Saya Buat, Saya Tahu, Saya Semak Murid mengenal pasti kesilapan ejaan dan tanda baca dalam hasil kerja mereka. Kemudian mereka menjelaskan mengapa ejaan dan tanda baca yang digunakan salah, dan seterusnya mencadangkan cara pembaikannya.
Penerangan dan Justifikan	Guru melibatkan murid menerokai dan berkongsi menenai tan baca. Bagi memastikan murid memahami tanda baca, guru memberikan penerangan dan tunjuk cara untuk. Selain itu, guru memantau pemahaman murid secara mendalam apabila murid dapat menjelaskan pilihan jawapan mereka. Strategi ini merupakan salah satu cara penilaian formatif yang boleh dikendalikan sewaktu pembelajaran supaya guru dapat menilai pemahaman murid sebelum melanjutkan pengajaran ke langkah yang selanjutnya.	

SUBJEK KAJIAN

Subjek kajian terdiri daripada murid-murid Darjah 3 daripada pelbagai keupayaan, iaitu 20 murid dari kumpulan melebihi keupayaan, 7 murid pada keupayaan dan 22 murid pada praaras keupayaan. Jumlah keseluruhan murid yang terlibat ialah 49. Pemilihan subjek bagi peringkat ini dilakukan untuk melatih dan meningkatkan keupayaan murid dalam penulisan karangan. Kedua-dua orang guru yang mengajar kelas-kelas tersebut telah mengaplikasikan penggunaan senarai semak dan kaedah Penyemakkan Bertumpu untuk meningkatkan keupayaan murid mengeja dengan tepat dan menggunakan tanda baca dengan betul.

INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen kajian yang digunakan adalah seperti berikut:

1. Senarai Semak
2. Kaedah Penyemakan Bertumpu
3. Karangan murid berdasarkan gambar bersiri

Sesi perkongsian murid semasa menggunakan senarai semak dan kaedah Penyemakan bertumpu dinilai untuk memantau kelakonan murid dalam penilaian karangan mereka.

Markah yang diperoleh daripada karangan digunakan untuk menilai pemahaman murid dalam membetulkan kesilapan ejaan dan penggunaan tanda baca. Senarai semak prapengajaran dan pascapengajaran dijalankan. Guru juga mengambil kira respons murid melalui alat penilaian sendiri sebagai maklum balas tentang keberkesanaan kaedah yang digunakan dalam pengajaran.

PROSEDUR KAJIAN

Guru menerangkan matlamat pembelajaran kepada murid-murid agar objektif pengajaran difahami dan dapat dicapai murid secara sedar. Murid-murid dapat mengukur tahap pencapaian mereka melalui kriteria kejayaan.

Guru menggunakan senarai semak dan kaedah penyemakan bertumpu sebagai alat bagi aktiviti penilaian sendiri selepas guru menyemak karangan murid. Dengan menggunakan senarai semak dan kaedah penyemakan bertumpu, murid dapat mengenal pasti kesilapan ejaan dan tanda baca yang sering mereka lakukan oleh murid.

Sebagai langkah selanjutnya, guru-guru menggunakan pendekatan Pengajaran Pembezaan (DI) untuk pengajaran bahasa dalam karangan. Guru telah mengubahsuai tahap kesukaran petikan yang digunakan bagi setiap kumpulan murid agar sesuai dengan tahap keupayaan mereka. Murid menyenaraikan kosa kata dengan ejaan yang tepat secara individu. Langkah ini bertujuan bagi murid mengenal pasti ejaan yang tepat berdasarkan gambar bersiri yang diberikan.

Pada akhir aktiviti penilaian hasil tugas, murid-murid dari kumpulan melebihi aras keupayaan mengenal pasti dengan menandakan kesilapan ejaan dan tanda baca di bahagian tepi kertas karangan mereka dan membetulkannya. Guru mengajukan beberapa soalan tentang ejaan dan penggunaan tanda baca yang betul secara lisan bagi memastikan murid benar-benar mengetahui ejaan dan penggunaan tanda baca dengan tepat.

Bagi murid pada aras keupayaan pula, guru akan membantu murid dengan membulatkan kesilapan ejaan dan tanda baca yang salah. Murid akan menulis kesilapan tersebut di bahagian tepi kertas karangan mereka dan membetulkannya. Guru mengajukan beberapa soalan tentang ejaan dan penggunaan tanda baca yang betul secara lisan bagi memastikan murid benar-benar memahami ejaan dan penggunaan tanda baca.



Murid dari kumpulan bawah aras keupayaan dibimbing untuk mengenal pasti kesilapan ejaan dan tanda baca serta cara membetulkannya. Guru mengajukan beberapa soalan tentang ejaan dan penggunaan tanda baca yang betul secara lisan bagi memastikan murid benar-benar memahami ejaan dan penggunaan tanda baca.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan pemerhatian guru semasa pengajaran dijalankan, murid-murid telah menunjukkan sikap yang positif semasa memberi respons yang baik semasa perbincangan berasaskan senarai semak dan penyemakan bertumpu. Pelibatan aktif mereka amat memberangsangkan.


Murid yang pendiam dan kurang aktif dalam pembelajaran telah melibatkan diri dalam perbincangan dengan memberi respons, mengajukan soalan dan bersama-sama terlibat mengenal pasti kesilapan ejaan dan penggunaan tanda baca. Secara tidak langsung, guru dapat meninjau tahap pemikiran murid yang positif setelah unsur visual seperti gambar ditunjukkan.

Berdasarkan respons murid yang dicatatkan dalam senarai semak dan melalui kaedah penyemakan bertumpu, guru dapat merumuskan bahawa murid-murid kumpulan yang melebihi aras keupayaan dapat mengenal pasti ejaan dan tanda baca dengan lebih jelas. Murid pada aras keupayaan juga dapat mengenal pasti ejaan dan tanda baca yang memerlukan pembetulan dengan baik. Manakala murid-murid pada praaras keupayaan dapat mengenal pasti ejaan dan tanda baca tetapi memerlukan penjelasan yang lebih mendalam dan bimbingan untuk mengeja dan menggunakan tanda baca dengan tepat. Jelas dilihat juga bahawa murid pada praaras keupayaan mampu mengenal pasti ejaan dan tanda baca yang mudah, sekadar apa yang dikenal pasti oleh guru. Namun secara keseluruhan, terdapat peningkatan dan kemajuan yang ketara bagi murid dari kumpulan praaras keupayaan berbanding dengan pengajaran yang lalu kerana ejaan dan tanda baca telah difahami dan membantu meningkatkan keyakinan mereka dalam aspek bahasa semasa menulis karangan.

Hal yang sama berlaku pada kelakonan mereka dalam komponen kefahaman subjektif. Terdapat peningkatan markah dalam SA2 berbanding dengan SA1 bagi komponen kefahaman subjektif. Hal ini dapat dilihat dalam Rajah 1. Terdapat kenaikan sebanyak 7.3% dalam markah pencapaian murid.



Rajah 1: Markah Pencapaian Murid dalam SA1 dan SA2



Berdasarkan maklum balas murid pula, guru mendapati murid-murid dapat memantau hasil kerja mereka secara sendiri melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Guru juga dapat membuat penilaian dan refleksi tentang keberkesanan strategi PdP kerana pencapaian khusus murid dapat dilihat melalui kriteria kejayaan yang mereka capai. Murid-murid kumpulan melebihi aras dan pada aras keupayaan dapat mengeja dengan tepat dan menggunakan tanda baca dengan betul. Namun, ada perbezaan dari segi cara mereka membuat pembedaan bagi ejaan dan tanda baca yang salah. Pemerhatian guru-guru menunjukkan bahawa murid dapat mengeja dengan tepat kerana mereka mengetahui cara mengeja dengan tepat. Mereka juga kerap merujuk kepada senarai semak dan hasil penyemakan bertumpu semasameneliti hasil kerja mereka.

KESIMPULAN

Kajian ini telah membuktikan keberkesanan penggunaan senarai semak dan kaedah penyemakan bertumpu untuk murid-murid mengenal pasti ejaan yang tepat dan tanda baca yang betul. Penggunaan senarai semak dan kaedah penyemakan bertumpu ini juga dapat membantu murid berfikir secara teratur dan berstruktur dengan bantuan alat-alat visual untuk merangsang daya pemikiran dan menggalakkan perbincangan.

Murid dapat menyuarakan pandangan mereka dengan yakin kerana persekitaran pembelajaran yang selamat dan kondusif. Hal ini juga mendorong



murid-murid lebih bermotivasi untuk berfikir dan mengajukan soalan-soalan tentang topik yang dibincangkan. Murid-murid terlibat secara aktif dalam pembelajaran dan terangsang untuk menyuarakan pandangan mereka.

Pengkaji juga telah membuat perbandingan markah bagi komponen bahasa dalam karangan murid. Perbandingan dibuat untuk melihat sama ada setiap murid menunjukkan peningkatan dalam komponen bahasa dalam karangan mereka sebelum dan sesudah pelaksanaan kaedah dan penggunaan bahan

Sebagai langkah selanjutnya, guru-guru akan menggunakan senarai semak dan kaedah penyemakan bertumpu sebagai salah satu usaha fokus dalam pengajaran karangan untuk murid-murid Darjah 5 dan 6. Pada masa yang sama, guru-guru juga akan menerapkan penggunaan senarai semak dan kaedah penyemakan bertumpu untuk meningkatkan daya pemikiran dan pemahaman murid.

RUJUKAN

- Abd. Aziz Abd. Talib (2000). *Pedagogi Bahasa Melayu: Prinsip, Kaedah dan Teknik*
- Alias, M., Masek, A., & Salleh, H. H. M. (2015). Self, peer and teacher assessments in problem based learning: Are they in agreements? *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 204, 309-317.
- Brown, H. D. (2001). *Teaching by principles: An interactive approach to language pedagogy*. New York: Addison Wesley Longman, Inc.
- Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018). *Amalan pengajaran Singapura*. Singapura: Oxford Graphic Pte Ltd.

